

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(12)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 12 TAHUN 2017**

**Tarikh** : 21 Disember 2017 (Khamis)  
**Masa** : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 12/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF KECEMERLANGAN SUKAN  
MPSJ 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Penyampaian Insentif Honorarium Kecemerlangan Sukan MPSJ 2017.** Majlis ini bertujuan untuk menghargai komitmen dan kejayaan warga kerja MPSJ di dalam bidang sukan sepanjang tahun 2017.

Antara pencapaian dan kejayaan yang diraih oleh warga kerja MPSJ adalah seperti berikut;

(i) **PERINGKAT ANTARABANGSA**

BIL	NAMA PERTANDINGAN	TARIKH	KEPUTUSAN
i.	Sukan SEA Kuala Lumpur 2017	19 - 30 Ogos 2017	a) Futsal Lelaki - Pingat Perak b) Sepak Takraw (Chinlone) - Pingat Emas c) Sepak Takraw (Berpasukan) - Pingat Perak d) Sepak Takraw (Regu) - Pingat Gangsa

(ii) **PERINGKAT KEBANGSAAN**

BIL	NAMA PERTANDINGAN	TARIKH	KEPUTUSAN
i.	MAKSAK – Peringkat Kebangsaan - Shah Alam, Selangor - Alor Setar, Kedah - Pulau Pinang - Melaka	2- 5 Mac 19 -22 Mei 5 – 8 Okt 26 – 29 Okt 2017	a) Bola Tampar - Johan b) Futsal Lelaki - Johan c) Futsal Wanita - Naib Johan d) Bola Sepak - Naib Johan

			<p>e) Ragbi - Naib Johan</p> <p>f) Sepak Takraw -Tempat Ketiga</p>
ii.	SUKANUN Ke-10, Melaka	24 Julai - 27 Julai 2017	<p>a) Futsal lelaki - pingat Emas</p> <p>b) Bola sepak (V) - pingat Perak</p> <p>c) Bola Jaring - pingat Perak</p> <p>d) Sepaktakraw - pingat Gangsa</p>

**(iii) PERINGKAT NEGERI**

BIL	NAMA PERTANDINGAN	TARIKH	KEPUTUSAN
i.	Pasukan Bola Sepak Kejohanan Piala Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Sukan Negeri Selangor	12 Nov. 2017	Juara

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Insentif Honorarium Kecemerlangan Sukan MPSJ 2017 akan diadakan seperti maklumat berikut;

**Tarikh : 21 Disember 2017 (Khamis)**

**Masa : 12.00 tengahari**

**Tempat : Dewan Kenanga, Bangunan  
Ibupejabat, MPSJ**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

## **2.2 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KEBUN KOMUNITI MPSJ 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Komuniti MPSJ 2017**. Penganjuran majlis ini adalah susulan daripada Pertandingan Kebun Komuniti yang dianjurkan oleh Jabatan Landskap, MPSJ.

Mulai Januari sehingga Oktober 2017, sebanyak 20 kebun komuniti disekitar kawasan USJ, Puchong dan Bandar Kinrara telah bertanding dan dipantau secara berterusan oleh Jabatan Landskap. Auditor bagi Pertandingan Kebun Komuniti adalah daripada Jabatan Pertanian Daerah Petaling/Gombak dan tarikh penjurian dilaksanakan pada 12 hingga 14 Disember 2017.

Sehubungan itu, majlis penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang akan diadakan seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 21 Disember 2017 (Khamis)**

**Masa : 2.00 petang**

**Tempat : Laman Kenanga, MPSJ**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

### **2.3 PERTANDINGAN BOLASEPAK SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE-20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Pertandingan Bolasepak Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ Ke-20.**

Penganjuran program ini adalah sempena sambutan ulangtahun MPSJ ke - 20 serta bertujuan untuk **mengutip derma amal untuk kakitangan Majlis iaitu Puan Faizah binti Mansor (Jabatan Khidmat Pengurusan).** Disamping itu juga, program ini mendapat kerjasama daripada pihak luar iaitu *Anak Selangor Fan Club* dan juga Kelab Bolasepak Projek Darul Ehsan.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 24 Disember 2017 (Ahad)**

**Tempat : Arena MPSJ, USJ 5, Subang Jaya**

Kategori pertandingan yang akan dipertandingkan ialah:

a) **Pertandingan Sepakan Penalti Terbuka Dan Bawah 12 Tahun**

Pertandingan ini akan bermula pada pukul 9.00 pagi dan dijangka berakhir pada pukul 7.00 malam.

b) **Kejohanan Jemputan 6 Penjuru Bola Sepak**

Pertandingan ini akan disertai oleh enam (6) pasukan jemputan iaitu:

- i) Selangor Elite;
- ii) Anak Selangor Fan Club;
- iii) Projek Darul Ehsan;
- iv) Astro Arena;

- v) Harian Metro; dan
- vi) Pilihan MPSJ

Pertandingan ini akan bermula pada pukul 7.30 malam.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini untuk beramal sambil menyaksikan pertandingan tersebut.

#### **2.4 KARNIVAL MESRA RAKYAT DAN KEMPEN KESEDARAN KANSER KOMUNITI SERDANG**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Mesra Rakyat Dan Kempen Kesedaran Kanser Komuniti Serdang Anjuran Bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya Dan Universiti Putra Malaysia (UPM).**

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 7 Januari 2017 (Ahad)**  
**Masa : 8.00 Pagi – 3.00 Petang**  
**Lokasi : Kompleks 3K Serdang Raya**

Pihak Majlis telah menerima permohonan bagi mengadakan kerjasama dengan pihak Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE), UPM dan Asian Medical Student's Association (AMSA) UPM bagi penganjuran Program Pendidikan dan Kesedaran Kanser kepada Komuniti Serdang. Ojektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya komuniti Serdang mengenai penyakit kanser.

Antara pengisian program ialah;

- i) Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak;
- ii) Pertandingan *Soccer Kids* Bawah 9 dan 12 tahun;

- iii) Pertandingan *Indoor Games*;
- iv) Pameran Kesihatan, Pameran Koporat, Pameran PKMB dan lain- lain pameran;
- v) Gerai Jualan; dan
- vi) Derma Darah

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan karnival ini.

## 2.5 **LAPORAN DEMAM DENGGI**

Sehingga minggu epid ke 50 tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan **4,923 kes demam denggi**. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 43% jika dibandingkan dengan bilangan kes minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 8,366 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 50 adalah berjumlah 1 iaitu seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	0
2.	Seri Serdang	1
3.	Seri Kembangan	0
4.	Kinrara	0
<b>JUMLAH</b>		<b>1</b>

Sesi persekolahan baru akan bermula pada Januari 2018. Sehubungan itu, pihak Majlis memohon kerjasama daripada semua pihak khususnya pentadbir sekolah untuk memastikan persekitaran sekolah bebas dari tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes

supaya guru-guru, murid-murid, kakitangan sekolah dan orang awam tidak dijangkiti demam denggi apabila sesi persekolahan baru bermula nanti.

## **2.6 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM**

Sehingga bulan November 2017 sebanyak 3 Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan. Sebanyak 1 NTK dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (Kesalahan Membuang Apa-Apa Sampah Di Tempat Awam), 1 NTK di bawah Seksyen 6 (Kesalahan Tidak Menyediakan Tong Sampah Di Premis Perniagaan) dan 1 NTK di bawah Seksyen 12 (Kesalahan Membuang Buangan Perindustrian dan Buangan Dagangan Yang Ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007.**

## **2.7 ANUGERAH KHAS 'KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM' KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA - KATEGORI KOMUNITI**

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSJ telah menerima **Anugerah Khas KTP (Komuniti) bersempena Persidangan Kebangsaan Keempat Pemindahan Ilmu** yang diadakan pada 11 Disember 2017 di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Anugerah telah disampaikan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Raduan b. Che Ros, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara.

Penganugerahan ini diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas penglibatan aktif pihak MPSJ di dalam pembangunan program komuniti Bandar Hijau Serdang bersama rakan sinergi iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyumbang kepada agenda pembangunan kapasiti negara.



## **2.8 UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KRIMAS 2017**

Saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut **Hari Krismas** kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang akan meraikannya pada **25 Disember 2017 (Isnin)**.

Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua.

***'SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS'***

## **2.9 UCAPAN TAHUN BARU 2018**

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja MPSJ juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut **Tahun Baru 2018** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ.

Justeru itu, untuk mengharungi tahun 2018, bersama-samalah kita menyumbangkan tenaga dan idea bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan MPSJ. Mudah-mudahan segala usaha murni tersebut menjadi pemangkin ke arah pencapaian MPSJ yang lebih gemilang.

***'SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2018'***

## **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2017**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 22 November 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

#### 4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

#### 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

##### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 23/2017 bertarikh 6 Disember 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.4 & m/surat 11	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Pelan Susun Atur Yang Telah Diluluskan (MPSJ/JPB/60 0-1/1/BP6-10/PB Bertarikh 20 Ogos 2014) Bagi Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi Fasa 1, Fasa 2A dan Fasa 2B Di Atas Lot	Beliau mencadangkan supaya pihak pemaju mengemukakan surat akuan atau surat persetujuan daripada 20 orang pembeli yang terlibat dengan permohonan tersebut. <b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			80956 (Lot Asal PT 78862), Taman Equine, Bandar Putra Permai, Selangor Untuk TTDI Harta Sdn. Bhd.	

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 24/2017 bertarikh 18 Disember 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1.3 & m/surat 6	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Pembentangan oleh Pengarah Jabatan OSC berhubung penambahbaikan OSC Online MPSJ	Beliau memohon agar proses penambahbaikan OSC Online MPSJ yang akan dilaksanakan sepenuhnya mulai 2 Januari 2018 memudahkan pelanggan dan memberi faedah yang besar kepada pihak Majlis.  <b>Tindakan : Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)</b>
2.	Para 3.2	Encik Chia	Permohonan Kebenaran	Beliau mencadangkan agar permohonan ini

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	& m/surat 13	Yew Ken	Merancang Bagi Kerja-Kerja Meroboh Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Sedia Ada Di Atas PT 44001, No. 36, Persiaran Wangsa Baiduri 7, Taman Wangsa Baiduri, SS 12, Subang Jaya, Selangor untuk Shareen binti Datuk Seri Mohamed Iqbal	<p>dibentang dan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan dengan syarat-syarat tertentu seperti di nyatakan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 24/2017.</p> <p>Walaupun, permohonan ini dibenarkan untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ yang akan datang.</p> <p><b>Tindakan : Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)</b></p>
3.	Para 3.4 & m/surat 16	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Tempat	Beliau memaklumkan bahawa pendengaran kes melibatkan permohonan ini telah diadakan di Mahkamah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>Letak Kereta, Ballroom dan Restoran Japanese Serta Tambahan Dua Blok Hotel Suite 23 Tingkat dan Pengubahsuaian Ke Atas Hotel Grand Dorsett Di Atas Lot 4244 dan Lot 4245, Jalan SS 12, Subang Jaya, Selangor</p>	<p>Rayuan pada 13 Disember 2017 dan kini sedang menunggu keputusan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</b></p>
4.	Para 4.20 & m/surat 70	Encik Pooi Weng Keong	<p>Permohonan Serentak Pindaan Kebenaran Merancang + Pindaan Jalan dan Perparitan + Pindaan Pelan Bangunan – Cadangan Pembangunan Perdagangan Di Atas Lot PT 1944, Taman Bukit Serdang, Seksyen 13, Seri Kembangan, Selangor untuk Dato' Lee Su Ha</p>	<p>Beliau mencadangkan supaya syarat-syarat kelulusan permohonan ini seperti di nyatakan di dalam minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ Bil. 24/2017 iaitu Perkara (a), (c), (d) dan (e) dibincangkan semula di dalam Mesy Jawatankuasa OSC.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

### 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 12/2017 bertarih 12 Disember 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 1.0 & m/surat 5	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Ucapan Pengerusi mengenai cadangan projek pembangunan Majlis bagi menangani isu banjir dan penyelenggaraan jalan bagi tahun 2018	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengarahkan Prasarana Malaysia Berhad segera menyelesaikan perkara-perkara tertunggak dengan pihak Majlis khususnya melibatkan isu saliran, banjir dan penyelenggaraan jalan.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Majlis sentiasa melakukan perbincangan bersama Prasarana Malaysia Berhad bagi menyelesaikan perkara-perkara tersebut.</p> <p>Beliau meminta Jabatan Kejuruteraan untuk menjemput wakil syarikat Prasarana</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Malaysia Berhad dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur pada bulan Januari.</p> <p>Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa pihak Prasarana akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang bencana seperti banjir.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>
2.	Para 4.4 & m/surat 11	Encik Yap Kok Weng	Memohon status rumah yang dijadikan stesen sambungan (hub) <i>bitcoin</i> dimana keseluruhan rumah telah dipasang komputer dan wayar yang banyak (lokasi di Jalan Merbuk)	<p>Beliau meminta penjelasan berhubung tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak Majlis bagi membanteras aktiviti pemprosesan matawang internet <i>Bitcoin</i>.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Undang-Undang untuk mengenalpasti peruntukan undang-undang yang sesuai</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				bagi menangani aktiviti tersebut.  <b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</b>

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 10/2017 bertarikh 12 Disember 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan Dasar Pengambilan Ahli Keluarga Pegawai / Kakitangan Bagi Mengisi Kekosongan Jawatan di Majlis Perbandaran Subang Jaya	Beliau memohon Ahli-Ahli Mesyuarat untuk menyemak semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bil. 8/2017 yang telah menengguhkan kertas cadangan berkenaan perkara tersebut.  Perkara yang sama turut dicadangkan oleh Encik Tai Cheng Heng.  <b><u>Maklumbalas</u></b>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju agar keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bil. 8/2017 dipinda kepada 'status-co' iaitu sebarang pengambilan ahli keluarga, pegawai dan kakitangan bagi mengisi kekosongan jawatan di MPSJ samada Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional atau Kumpulan Sokongan dibekukan.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Khidmat Pengurusan hendaklah mengkaji mekanisme yang sesuai bagi memastikan syarat dan peraturan ini dipatuhi.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p>

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 12/2017 bertarikh 13 Disember 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 12/2017 bertarikh 13 Disember 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 12/2017 bertarikh 14 Disember 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.2 & m/surat 7	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Untuk Mengadakan Kempen 'Flat Rate' Bagi Semua Kompaun Trafik Yang Melibatkan Kesalahan Di Bawah Perintah	Beliau bertanyakan mengenai kadar bayaran kompaun trafik semasa kempen 'Flat Rate' diadakan. <b>Maklumbalas</b> Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kadar bayaran kompaun trafik semasa kempen

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) MPSJ 2007	'Flat Rate' adalah RM10.00.  <b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</b>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 12/2017 bertarikh 14 Disember 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 10/2017 bertarikh 19 Disember 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6 (Perkara ii) & m/surat 23	Encik Pooi Weng Keong	Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat untuk tahun 2018	Beliau mencadangkan Encik Yap Kok Weng sebagai Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat bagi tahun 2018 menggantikan Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk melantik Encik Yap Kok Weng sebagai Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat bagi tahun 2018.</p> <p>Lantikan ini berkuatkuasa mulai Januari 2018.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Audit Dalam</b></p>

## 6.0 **PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN**

### 6.1 **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL BAGI MEMBINCANGKAN PROJEK PENSWASTAAN DI ANTARA MPSJ DENGAN RALITI PADU SDN. BHD. DAN JUGA MPSJ DENGAN KONSEP PURNAMA SDN. BHD. BIL.3/2017**

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Puan Aida binti Omar, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pengesahan minit mesyuarat tersebut.

## **6.2 CADANGAN PEMBELIAN TIGA PULUH (30) UNIT PERUMAHAN RAKYAT KEPADA PENYEWA BERTARAF FAKIR / MISKIN YANG DIBAYAI OLEH LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

---

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Puan Aida binti Omar, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

## **6.3 MAJLIS ANUGERAH JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) DAN ZON BERSIH 2017 MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

---

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Muhammad Zaki bin Yusof, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

## **6.4 NOTIS USUL**

---

Kertas makluman ini telah dibentangkan oleh Encik Chang Kim Loong, A.M.N., Ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima dan menggunakan notis usul cadangan pindaan Garis Panduan Tambahan Dan Ubahsuaian Rumah Kediaman Sedia Ada yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor bil.5/2015 bertarikh 15 Disember 2015 untuk meluaskan kategori bangunan kediaman yang terlibat dari rumah teres sahaja kepada rumah berkembar dan sesebuah serta pengecualian Kebenaran Merancang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## **7.0 PENUTUP**

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Januari 2018** akan diadakan pada **24 Januari 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 21 Disember 2017

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),**  
Timbalan Pengarah  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi   |
| 2.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis |
| 3.  | TPr. Hj. Jaber bin Ami.   | - | "           |
| 4.  | Encik Edwin Lim Hock Lee  | - | "           |
| 5.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "           |
| 6.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |
| 7.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "           |
| 8.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 9.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "           |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan  | - | "           |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "           |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.                                    | - | "           |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "           |
| 15. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "           |
| 16. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 17. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli   | - | "           |

- |     |                                 |   |   |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen   | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.   | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki               | - | " |
| 22. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo   | - | " |

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                       |   |             |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi        | - | "           |
| 3. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | "           |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat



6. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Puan Anita binti Abd Rahman  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
14. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
15. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan  
Pengarah, Jabatan COB
17. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
18. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan

19. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
20. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
23. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
24. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
30. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

32. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
33. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
35. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
36. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Cik Hasniza binti Husin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
41. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Perancang Bandar
42. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
43. Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
44. Encik Mohd Kamil bin Basir  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

45. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
47. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
48. Puan Salwa binti Ab. Rahman  
Penolong Pengarah (Teknologi Maklumat)
49. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
51. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
52. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
53. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan  
Awam
54. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
55. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
56. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
57. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

58. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
59. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Norawalia binti Shafiai  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan